

24/01/1999

Wanita akur keputusan pucuk pimpinan

KOTA KINABALU: Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) menyerahkan kepada budi bicara pucuk pimpinan parti dalam menentukan jumlah kerusi yang bakal ditandingi ahlinya dalam pilihan raya negeri Sabah kali ini.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pihaknya menerima apa saja keputusan yang bakal dibuat sama ada mengekal atau menambahkan jumlah kerusi yang bakal ditandingi wanita.

Setakat ini, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dayang Mahani Pengiran Raffae, adalah wanita tunggal menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sabah di kawasan Lumadan.

Dr Siti Zaharah berkata, pihaknya membuat resolusi mengenai perkara itu yang turut mengandungi jumlah kerusi dan senarai calon wanita pilihan mereka untuk diserahkan kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuat keputusan.

"Walaupun tidak dapat mengumumkan resolusi berkenaan termasuk jumlah kerusi yang diminta, saya berharap ia lebih daripada jumlah sekarang.

"Kami rasa permintaan itu setimpal berdasarkan sumbangan serta sokongan kuat ahli wanita BN selama ini, dan saya rasa Perdana Menteri amat peka dengan perkara itu," katanya.

Beliau mengadakan pertemuan sejam dengan pemimpin wanita parti komponen BN Sabah di sini, semalam.

Sebelum itu, beliau mengadakan pertemuan dengan pemimpin pergerakan Wanita Umno Negeri yang diketuai Senator Datuk Norjan Khan Bahadar.

Dr Siti Zaharah yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata setakat ini pihaknya berpuas hati dengan jentera dan gerak kerja pergerakan wanita Umno dan BN Sabah menjelang pilihan raya negeri, khususnya dalam menggerakkan kempen ke setiap bahagian dan peringkat akar umbi.

(END)